

22/07/1997

Sukar atasi semua masalah sekelip mata

ALOR GAJAH, Isnin - Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu seluruh rakyat menunjukkan kasih sayang dan taat setia kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan mengakui tidak semua masalah boleh diselesaikan dalam sekelip mata.

Bagaimanapun, tegasnya, masalah yang dihadapi rakyat tetap akan diselesaikan sebagaimana yang sudah dibuktikan oleh kepemimpinan kerajaan BN sejak Almarhum Tunku Abdul Rahman hingga kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita lihat bagaimana perubahan berlaku di negara ini dalam semua bidang, dan mahu mempertahankan cita-cita kita dengan kerja amal serta doa," katanya di majlis keraian pemimpin bersama rakyat di Taboh Naning dekat sini, hari ini.

Antara yang turut hadir ialah Ketua Menteri, Datuk Abu Zahar Isnin; Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Nasir Manap.

Anwar yang diiringi Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam lawatan sehari ke Melaka, sebelum itu, turut mengunjungi isteri Allahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani di kediaman Seri Aduka, Melekek.

Anwar yang juga Pemangku Pengerusi BN, turut mengingatkan semua pemimpin BN supaya sentiasa mengamalkan sikap mendengar dan berusaha menyelesaikan masalah rakyat.

Katanya, kekuatan BN adalah peka serta mendengar masalah rakyat dan jika tidak, sudah tentu pembangunan tidak dapat dilaksanakan.

"Apa saja jawatan yang dipegang, hendaklah balik ke bahagian, mendengar dengar soal masalah parit atau pagar masjid," katanya.

Menurutnya, seluruh rakyat, terutama di luar bandar, mesti diberitahu bahawa kerajaan BN masih prihatin menyelesaikan masalah yang kecil pun.

Beliau juga mahu pemimpin jangan hanya sekadar menyatakan kejayaan melaksanakan pembangunan tetapi perlu juga membangkitkan masalah yang ada, termasuk soal remaja.

"Kita mahu kenyataan diberikan, pembangunan baik tetapi ada masalah. Cara begitu, kita boleh memperbaiki kelemahan," katanya.

Di majlis itu, Anwar menyatakan terima kasih kepada pengundi serta seluruh jentera pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Melekek sehingga BN berjaya mempertahankan kawasan itu dengan kemenangan besar.

(END)